

# Pusat Penyelidikan mengenai Ekonomi Penuaan



SURAT BERITA - ISU 3

DISEMBER 2016

## Kisah kami terpapar dalam Berita!

Pada bulan November, kami membentangkan beberapa penemuan penyelidikan awal - dan orang ramai berasa terpesona.

Kami mempunyai liputan media cetak yang luas. Televisyen juga memaparkan kisah kami dalam laporan beritanya.

Itulah sebab tinjauan bulanan yang anda lengkapkan selaku responden kami adalah penting dalam misi kami untuk membolehkan rakyat Singapura bersedia dengan lebih baik bagi menghadapi fasa penuaan.

Oleh itu, kami di CREA dan juga golongan berusia pada masa depan berterima kasih kepada anda.

Persidangan telah dihadiri oleh 180 orang peserta daripada agensi sektor awam dan swasta berkaitan dengan kesihatan, pengambilan pekerja, perumahan dan persaraan serta institusi akademik.

Semua orang di persidangan terpegun dan berasa gembira dengan penyertaan anda yang berterusan dan kesanggupan anda untuk menjawab soalan tentang banyak aspek yang berbeza dalam kehidupan anda.

Ini ialah penemuan awal - dan apabila kami mengikuti kehidupan anda selama beberapa bulan akan datang, kami akan dapat lebih banyak gambaran penuh tentang kehidupan di Singapura ketika mereka berusia.

**1 in 4 seniors develops chronic condition, early findings show**

4-year study looks at how ready Singaporeans are for retirement

**25%** Respondents aged over 65 diagnosed with one chronic condition in last 6 months

**17%** Overweight or obese respondents were more likely to have hypertension

**36%** Those aged 65 to 69 were expected to work full time at 65

**21%** Those aged 65 to 69 were expected to work full time at 70

**60%** Respondents who rate their retirement preparation as fair or poor

Sumber: The Straits Times @ Singapore Press Holdings Limited. Keizinan diperlukan untuk cetakan semula

**Longitudinal study aims to cast light on retirement adequacy**

Study has polled 8,000 residents monthly for 16 months

**25% warga ke atas alami sakit kronik tahun lalu**

**逾65岁者14个月内四分一被诊患慢性病**

Sumber: Singapore Press Holdings Limited. Dicitak semula dengan keizinan.



## Menteri Amy Khor Membuka Persidangan kami

Berucap semasa Pembukaan Rasmi dan Persidangan Sulung CREA pada 11 November, Menteri Negara Kanan Kesihatan, Amy Khor menekankan bahawa "untuk berusia dengan berjaya dan elegan, kami mahu merancang untuk memenuhi keperluan golongan berusia pada hari esok. Oleh itu, penyelidikan adalah kunci untuk membantu kami mengubah pengalaman penuaan di Singapura."

## Gambar Analisis Data: Perbelanjaan dan Kesihatan


Orang ramai kurang berbelanja apabila mereka berusia. Golongan yang berusia awal 50-an menghabiskan secara purata sebanyak \$1,200 setiap bulan. Golongan yang berusia lewat 60-an berbelanja hanya \$800 setiap bulan. Namun, golongan berusia lebih banyak berbelanja untuk kesihatan.



Satu daripada 12 orang responden pada usia lewat 60-an menerima diagnosis keadaan major yang baharu (kanser, penyakit jantung atau strok).



Perbelanjaan mereka untuk kesihatan meningkat daripada \$200 setiap bulan kepada \$800 setiap bulan dan kekal lebih tinggi (sekitar \$400 setiap bulan) dalam semua bulan selepas kejutan tersebut.



## Kerahsiaan dan Privasi Anda



Kami mengendalikan maklumat yang anda berikan kepada kami dengan kerahsiaan paling ketat dan mengikut pematuhan menyeluruh Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA), di bawah undang-undang Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi Singapura.

## Tarikh Tinjauan

- **Tinjauan Januari: 1 - 22 Januari 2017**
- **Tinjauan Februari: 1 - 19 Februari 2017**
- **Tinjauan Mac: 1 - 19 Mac 2017**

## Hubungi Kami

Jika anda telah menukar alamat atau nombor telefon anda, jika anda memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk melengkapkan tinjauan, atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Penting Pusat kami di **6808 7910** (9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) atau melalui e-mel di [slp@smu.edu.sg](mailto:slp@smu.edu.sg). Kami sentiasa berbesar hati untuk mendengar sebarang maklum balas daripada anda.

Memandangkan Tahun Baharu menjelang tiba, sila perhatikan diri kepada Tinjauan Singapore Life Panel® (SLP) Januari 2017. Ia boleh didapati pada hari pertama setiap bulan. Tinjauan yang lengkap akan melayakkan anda untuk menerima baucar hadiah bernilai \$25. Terima kasih sekali lagi atas penyertaan anda yang berterusan. Perkongsian anda akan membantu membolehkan populasi berusia kita untuk menikmati persaraan mereka.